

H0272101 WA1324509850 03/10/2024 22:08:04
WA-A72NCC-40521-09/2024
MSP129... Bertarikh pada 03-Oktobre-2024
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 .8.00 x 1
Jumlah RM*****8.00



.....NIGEL BIN JIRIN.....
Penolong Pendaftar
Pendaftaran
Mahkamah Majistret
Mahkamah Kuala Lumpur

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA
GUAMAN NO. WA-A72NCC-40521-09 /2024

ANTARA

~~PALACE & STABLES PLT~~

PALACE AND STABLE PLT

[No. Pendaftaran (Perkongsian Liabiliti Terhad):

201904003304 (LLP0022116-LGN)]

...PLAINTIF

DAN

1. AT CONNECTION SDN BHD

[No. Syarikat: 202101020579 (1420879-A)]

2. 183 LEISURE RESORT SDN BHD

[No. Syarikat: 202301036360 (1530283-P)]

...DEFENDAN-DEFENDAN

PERNYATAAN TUNTUTAN TERPINDA

A. PIHAK – PIHAK

1. Plaintiff merupakan satu perkongsian liabiliti terhad yang beralamat di 29-A, Jalan Horizon Perdana 4, Bukit Horizon, Iskandar Puteri, 79100, Johor.



- 1.1. Pada setiap masa material, urusan perniagaan Plaintiff ialah penjualan dan pembekalan tilam.
2. Defendan Pertama ("**D1**") merupakan syarikat yang mempunyai alamat perniagaan di G-03 (S2-1) Residensi Rimba Pantai Dalam (CUBIC BOTANICAL) No 6, Jalan Pantai Sentral 3, Pantai Dalam Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Alamat berdaftar Defendan Pertama adalah di No. 192-3rd Floor, Jalan Changkat Thambi Dollah, Kuala Lumpur.
 - 2.1. Pada setiap masa material, D1 menjalankan perniagaan sebagai pengurus hartanah dan pengurus operasi penginapan jangka singkat iaitu *AirBnB*.
 - 2.2. D1 menggunakan jenama yang dikenali sebagai HomebrickZ.
 - 2.3. D1 dimiliki sepenuhnya oleh **Tan Tee Kung ("Tan TK")**. Tan TK juga merupakan pengarah tunggal bagi D1.
3. Defendan Kedua ("**D2**") merupakan syarikat yang mempunyai alamat perniagaan di No. 183, Jalan Ampang, Taman U Thant, Kuala Lumpur. Alamat berdaftar D2 ialah Block D1717, Metropolitan Square, No. 2, Jalan PJU 8/1, Bandar Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor.
 - 3.1. Pada setiap masa material, D2 mengendalikan penginapan rumah dikenali sebagai 183 Leisure Resort by HomebrickZ.
 - 3.2. Salah satu pemilik saham D2 ialah Secroma International Sdn Bhd.



3.3. Tan TK ialah pemegang saham dan pengarah tunggal bagi Secroma International Sdn Bhd.

3.4. Berdasarkan fakta ini, Plaintiff dapat menyimpulkan bahawa D1 dan D2 adalah entiti yang berkaitan.

B. TUNGGAKAN BAYARAN INVOIS 1005

4. Pada atau sekitar 02.11.2023, Tan TK telah memesan sejumlah tilam untuk dibekalkan kepada D2. Dalam Hal ini:-

4.1. Pesanan ini dibuat melalui mesej WhatsApp antara Tan TK dan seorang rakan kongsi Plaintiff iaitu Kit Ng.

4.2. Tan TK meminta agar Plaintiff menghantar barang tersebut kepada alamat D2 di No. 183, Jalan Ampang, Taman U Thant, Kuala Lumpur.

4.3. Tan TK turut meminta invois tersebut dikeluarkan terhadap D2.

4.4. Plaintiff menyatakan bahawa Tan TK telah membuat kontrak untuk jual beli tilam tersebut bagi pihak D2.

5. Seterusnya, Plaintiff telah menghantar sebanyak 33 unit katil ke alamat D2 seperti mana yang diminta oleh Tan TK.

6. Pada 10.11.2023, Plaintiff telah menghantar **Invois 1005** yang bertarikh 08.11.2023 yang berjumlah RM 16,764.00 kepada secara e-mel **kepada D1**.

7. D1 telah membuat bayaran ansuran **bagi pihak D2** seperti berikut:-



<u>Tarikh</u>	<u>Bayaran (RM)</u>	<u>Baki (RM)</u>
22.03.2024	-2,000.00	14,764.00
22.04.2024	-2,000.00	12,764.00
22.04.2024	-1,000.00	11,764.00
03.05.2024	-1,000.00	10,764.00
06.05.2024	-1,500.00	9,264.00
12.06.2024	-2,000.00	7,264.00
19.07.2024	-1,000.00	6,264.00
JUMLAH TERTUNGGAK:		6,264.00

8. D1 dan/atau D2 telah enggan, cuai dan/atau gagal untuk membayar Plaintiff sebanyak **RM 6,264.00**.

C. TUNGGAKAN BAYARAN INVOIS 1006 DAN 1007

9. Pada atau sekitar 05.11.2023 dan 16.11.2023, D1 telah membuat tempahan melalui mesej *Whatsapp* untuk dihantar ke Cubic Botanical Suites by HomebrickZ, Jalan 2/112C, Bangsar South, 59200 Kuala Lumpur ("**Cubic Bontanical Suites**").
10. Pada 09.11.2023 dan 20.11.2023, Plaintiff telah menghantar tilam – tilam yang dipesan oleh D1 ke Cubic Botanical Suites. D1 telah mengakui penerimaan.
11. Seterusnya, Plaintiff telah menghantar **Invois 1006** pada 20.11.2023 dan **Invois 1007** pada 27.11.2023 kepada e-mel D1.

11.1. Invois 1006 adalah untuk jumlah **RM13,920.00**.

11.2. Invois 1007 adalah untuk jumlah **RM21,580.00**.

11.3. **JUMLAH TERTUNGGAK: RM35,500.00.**



12. Namun, sehingga kini D1 telah enggan, cuai dan/atau gagal untuk membayar **RM35,500.00** kepada Plaintiff.
13. Plaintiff telah menghantar sepucuk surat pada 10.05.2024 kepada e-mel D1 untuk meminta bayaran sebanyak RM 35,500.00, iaitu bayaran tertunggak yang harus dibayar kepada Plaintiff untuk barangan yang dihantar.
14. Maka, Plaintiff menuntut perintah terhadap Defendan seperti berikut:-
- (a) D1 dan/atau D2 untuk membayar secara berse sama **RM6,264.00**;
 - (b) D1 untuk membayar **RM35,500.00**.
 - (c) Faedah pada kadar 5% setahun atas jumlah **RM6,264.00** dan **RM35,500.00** menurut s.11 Akta Undang-Undang Sivil 1956 – dari tarikh hutang – hutang tersebut terakru.
 - (d) Faedah pada kadar 5% setahun atas jumlah penghakiman dari tarikh pemfailan Writ sehingga tarikh penyelesaian penuh kepada Plaintiff;
 - (e) Kos; dan



- (f) Apa-apa perintah atau relif lain atau selanjutnya yang dianggap sebagai sesuai dan wajar oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Bertarikh 25 September 2024

t.t.

.....
Peguamcara Plaintiff

Raqib Osman

PERNYATAAN TUNTUTAN TERPINDA ini difailkan oleh ***Raqib Osman***, peguamcara Plaintiff yang beralamat di 2A, Jalan BU 11/2, Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 019-388 7337

E-mel: lawyer@raqibosman.com.my

Ruj: S/KL/0019



S/N y86bMIKEuaEAE5SGcD/g

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal